

BAB KEEMPAT

AKTIVITI TARBIYAH PARTI ISLAM SE-MALAYSIA DI TANJONG MALIM PERAK DARI TAHUN 2006 HINGGA 2010

4.1 Pengenalan

Perak adalah sebuah negeri yang terkenal di Malaysia. Sejak dahulu hingga kini, Perak banyak mencatatkan sejarah yang tersendiri dalam negara. Antaranya ialah kehadiran gerakan Hizbu al-Muslimīn di Gunung Semanggol, Perak yang menjadi titik permulaan ke arah penubuhan PAS di Tanah Melayu.

Pengaruh PAS terhadap masyarakat Melayu bukan sahaja tertumpu di bahagian Perak Utara sahaja, seperti di kawasan Parit Buntar dan Parit, tetapi juga telah meresap jauh hingga ke bahagian Selatan sehinggalah di kawasan Tanjong Malim.¹ Menurut Zulqarnain Hassan,² kekuatan PAS di kawasan Tanjong Malim tidak perlu dipertikaikan lagi kerana wujudnya sistem tarbiyah PAS yang tersusun sebagaimana modul tarbiyah PAS Pusat.³

¹ Sejarah membuktikan penubuhan PAS adalah bermula di negeri Perak sebelum tersebar ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 52.

² Beliau merupakan mantan YDP PAS kawasan Tanjong Malim, Perak antara tahun 2004 hingga 2008. Kini berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Syariah di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

³ _____ (2010), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 88.

Justeru itu, perbincangan dalam bab ini adalah untuk mengetahui aktiviti tarbiyah PAS kawasan Tanjong Malim, Perak. Untuk tujuan tersebut, metode kajian yang digunakan adalah melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi sebagaimana yang dijelaskan dalam bab satu.

4.2 Tarbiyah PAS di Kawasan Tanjong Malim, Perak

Bagi mengenal pasti aktiviti tarbiyah yang telah dilaksanakan oleh PAS kawasan dan mengetahui sumbangan tarbiyah dalam melahirkan ahli-ahli yang komited dalam PAS, maka pengkaji terlebih dahulu akan mengemukakan sejarah PAS kawasan Tanjong Malim.

4.2.1 Sejarah PAS Kawasan Tanjong Malim, Perak

Sejarah awal PAS kawasan Tanjong Malim bermula sejak tahun 1960. Beberapa orang tokoh yang menjadi aktivis gerakan ini pada peringkat awal ialah Ustaz Alias, Ustaz Haris, Razak, Osman Salikin, Omar Baki dan Cikgu Junid. Kebanyakan daripada pengasas PAS kawasan Tanjong Malim bukan warga tempatan, sebaliknya mereka menetap buat sementara waktu kerana berkhidmat dan bekerja di Tanjong Malim. Senario yang berlaku 50 tahun yang lalu masih berterusan sehingga sekarang kerana sebahagian besar aktivis dan pendokong PAS adalah penjawat awam yang berkhidmat sebagai guru, pegawai Felda, pegawai Risda, pensyarah UPSI, pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah, staf KTM dan ahli perniagaan di Tanjong Malim. Walau pun mereka

tidak kekal berkhidmat di Tanjong Malim, namun penambahan aktivis lain boleh meneruskan kesinambungan PAS di kawasan ini.⁴

Sokongan padu daripada tokoh veteran PAS tempatan terhadap perjuangan PAS, seperti Khalili Kasim,⁵ Zainal Asmawi, Kamaruddin Inin, Sharudin Hussin, Nopiah Tokoromo dan beberapa orang lagi tetap teguh. Berkat kelangsungan tarbiyah PAS, maka lahirlah golongan pelapis gerakan ini di kawasan Tanjong Malim. Antaranya ialah Zulqarnain Hassan,⁶ Mohd Tarmizi Abdul Rahman,⁷ Hashim Hamud⁸ dan Aminuddin Zulkifli.⁹

Menurut Mohd Tarmizi Abdul Rahman, PAS kawasan Tanjong Malim pada asalnya berpusat di kampung Slim Village pada zaman Dr. Burhanuddin al-Helmī dan Dr. Zulkifli Mohamad.¹⁰ Kampung Slim Village dan Sungai Dara yang terletak di jalan lama yang menghubungkan antara pekan Slim River dan bandar Tanjong Malim merupakan kubu kuat pembangkang pada ketika itu, sementara UMNO pula berpusat di

⁴ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

⁵ Bekas imam Masjid Besout 3, Sungkai, Perak. Meletakkan jawatan imam kerana lebih cenderung untuk bekerja sendiri.

⁶ Beliau ialah mantan Setiausaha Dewan Ulama PAS Negeri Perak dan Mantan YDP PAS kawasan Tanjong Malim. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS kawasan Tanjong Malim selama beberapa penggal dan pernah menjadi calon PAS bagi N.58 Slim, Perak dalam pilihanraya umum ke 12. Kini bertugas sebagai Ketua Jabatan Syariah di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan pada akhir tahun 2008.

⁷ Beliau merupakan Timbalan Pengarah Pilihanraya PAS negeri Perak dan masih menjawat jawatan sebagai YDP kawasan Tanjong Malim. Beliau pernah menjadi calon PAS sebanyak dua kali bagi N.58 Slim dalam pilihanraya umum yang lalu dan kini banyak menerima undangan sebagai pendakwah bebas di Perak.

⁸ Beliau dilantik sebagai Ketua Urusan Ulama PAS kawasan Tanjong Malim sejak 10 tahun yang lalu.

⁹ Beliau ialah mantan Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS negeri Perak dan merupakan Ketua Dewan Pemuda PAS kawasan Tanjong Malim sejak tahun 2003. Pernah diamanahkan sebagai Naib YDP PAS kawasan Tanjong Malim. Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

¹⁰ Nama Dr. Zulkifli Mohamad telah diabadikan pada sebuah sekolah menengah di Perak, iaitu SMK. Dato' Zulkifli Mohamad, Slim River, Perak. Rujuk sejarah SMK. Dato' Zulkifli Muhammad dan asal usul Dato' Zulkifli Mohamad dalam laman web <http://sbitara.upsi.edu.my/smdzm/index.php/sejarah-sekolah.html>.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. Di Slim Village pernah tertegaknya sekolah agama rakyat (SAR) yang menjadi lambang perjuangan PAS. Kini lokasi tersebut telah didirikan kuarters guru SK. Slim Village dan kelas KAFA Slim Village. Beliau turut memaklumkan bahawa markas tarbiyah PAS kawasan Tanjong Malim senantiasanya berpindah dari masa ke semasa, iaitu :

1. Pada tahun 1978 di bawah kepimpinan Adam Zainal Abidin, kedudukan markas PAS adalah berhampiran dengan stesyen minyak Petronas Slim River, Perak. Kini, tempat tersebut telah didirikan sebuah pusat karaoke.¹¹
2. Kedudukan markas adalah berhampiran dengan Pasti al-Barakah, Slim River, Perak.
3. Kedudukan markas adalah berhampiran dengan Felcra Serigala dalam cawangan Klan Halt, Slim River, Perak
4. Markas beroperasi di rumah Baharudin Ishak, cawangan Klant Halt, Slim River, Perak
5. Markas beroperasi di rumah awam 2 yang terletak berhampiran dengan Dewan Serbaguna Tan Sri Ghazali Jawi. Rumah awam 2 pada asalnya didiami oleh bekas Penghulu Slim River.
6. Markas berpindah ke belakang stesyen minyak Petronas Slim River, Perak. Turut ditempatkan di sini ialah pejabat MTD Slim, DPPK dan DMPK Tanjong Malim.
7. Pada tahun 2009, markas tarbiyah telah berpindah ke Taman Seroja, Slim River, Perak yang terletak berhampiran dengan rumah YDP PAS kawasan Tanjong

¹¹ Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

Malim. Walau bagaimanapun, pejabat MTD Slim, DPPK dan DMPK Tanjong Malim masih kekal di belakang stesyen minyak Petronas Slim River, Perak. Sementara markas PAS Serigala yang terletak berhampiran dengan Felcra Serigala masih digunakan hingga sekarang.¹²

Khalili Kasim menyatakan bahawa Baharin Mohd Noor telah dilantik sebagai YDP PAS kawasan Tanjong Malim yang pertama.¹³ Beliau pernah menjadi calon PAS bagi mewakili Dun Slim dalam pilihanraya umum tahun 1964. Markas PAS pada masa itu masih belum dibangunkan. Jawatan tersebut kemudiannya diambilalih oleh Adam Zainal Abidin yang merupakan seorang yang cekap dan bijak mentadbir.¹⁴ Beliau pernah mewakili Dun Slim dalam pilihanraya umum tahun 1986. Omar Baqir yang merupakan antara pengasas PAS kawasan ini meneruskan legasi PAS apabila mengetuai kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim.¹⁵ Beliau juga pernah bertanding bagi mewakili Dun Slim dalam pilihanraya umum. Walau bagaimanapun, menurut Khalili Kasim, jawatan tersebut tidak lama disandang oleh beliau sebelum diteruskan kepimpinan kawasan oleh Zainal Asmawi antara tahun 1987 hingga 1995.¹⁶ Zainal Asmawi¹⁷ menjelaskan bahawa rumah

¹² Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

¹³ Beliau merupakan adik kepada Dr. Burhanudin al-Helmī, mantan Yang Dipertua Agung PAS Pusat. Beliau banyak berjasa kepada PAS kawasan Tanjong Malim, termasuklah mewaqafkan tanah milik beliau di Felcra Serigala, Slim River untuk didirikan markas tarbiyah PAS Serigala.

¹⁴ Beliau berasal dari Trolak dan telah meninggal dunia pada tahun 2007.

¹⁵ Beliau berasal dari Bagan Serai, Perak. Beliau dikatakan sebagai seorang yang kurang aktif dalam memimpin PAS kawasan Tanjong Malim. Sekarang berkhidmat sebagai Naib Kadi Trolak Utara, Perak dan berjawatan sebagai ahli biasa dalam PAS.

¹⁶ Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

¹⁷ Beliau ialah seorang guru al-Qur'ān di Felda Besout 2, pernah mengajar subjek al-Qur'ān di Ma'ahad al-Abbāsīyah, mengadakan kelas tarannum bagi masyarakat gugusan Besout. Dengan kemahiran tarannum yang dimiliki, maka tidak hairanlah apabila beliau terpilih ke peringkat negeri Perak dalam Musābaqah Tilāwah al-Qur'ān peringkat negeri Perak dan muncul naib johan dalam musābaqah berkenaan.

beliau pernah dijadikan sebagai sekolah Pasti bagi mendidik anak-anak Felda di gugusan Besout, khususnya di Felda Besout 2 pada akhir tahun 1980an.¹⁸

Baharin Mohd Noor sekali lagi dipilih sebagai YDP PAS kawasan Tanjong Malim yang kelima. Beliau kekal menjawat jawatan tersebut sehingga meninggal dunia. Ketiadaan Baharin Mohd Noor telah memberikan ruang kepada Mohd Tarmizi Abdul Rahman untuk menerajui kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim. Beliau dipilih sebagai YDP pada tahun 2000 hingga 2004 dan pernah mewakili Dun Slim dalam pilihanraya umum 1999 dan 2004. Pada menyuarat agung 2004, jawatan YDP PAS kawasan telah bertukar tangan kepada Zulqarnain Hassan setelah Mohd Tarmizi Abdul Rahman mengundurkan dirinya kerana ingin memberikan tumpuan kepada PAS Perak. Beliau menerajui PAS kawasan Tanjong Malim selama dua penggal, iaitu sejak tahun 2004 hingga 2008. Pada pilihanraya umum 2008, Zulqarnain Hassan telah diberikan mandat sebagai calon PAS bagi mewakili Dun Slim. Walau pun khidmat bakti Zulqarnain Hassan amat diperlukan oleh PAS kawasan ini, namun anak jati Cik Siti Wan Kembang kelahiran negeri Perak ini berhasrat kembali ke Kelantan bagi menjaga bapanya yang sedang uzur. Tambahan pula, beliau turut mendapat tawaran sebagai pensyarah di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Kekosongan yang ditinggalkan Zulqarnain Hassan telah memaksa Mohd Tarmizi Abdul Rahman untuk kembali menerajui PAS kawasan Tanjong Malim mulai tahun 2009 hingga sekarang.¹⁹

¹⁸ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

¹⁹ Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

Menurut Khalili Kasim lagi, selain daripada Baharin Mohd Noor, Omar Baqir, Adam Zainal Abidin, Mohd Tarmizi Abdul Rahman dan Zulqarnain Hassan, PAS kawasan Tanjong Malim pernah bertanding di Dun Slim melalui calonnya, iaitu Sahak Pendek yang berasal dari Bagan Serai, Perak.²⁰ Pada pilihanraya umum 1986 pula, Ghazali Ho²¹ telah bertanding atas tiket PAS di Parlimen Tanjong Malim bergandingan dengan Adam Zainal Abidin yang mewakili Dun Slim.²²

Gabungan kepimpinan yang mantap di kawasan ini menambahkan lagi kekuatan PAS kawasan ini. Kini, PAS kawasan Tanjong Malim mempunyai pendokong, penyokong dan ahli yang pelbagai latar belakang. Golongan pendidik dan peneroka adalah antara golongan paling ramai dan proaktif dalam kawasan ini, terutamanya dalam DPPK Tanjong Malim. Bagi memudahkan lagi kerja-kerja amal di Tanjong Malim, PAS kawasan melalui DPPK telah memperkasakan Unit Amal kawasan Tanjong Malim pada akhir tahun 2007 bagi memperkuatkan lagi Pakatan Rakyat di negeri ini. Sokongan masyarakat terhadap PAS dan Pakatan Rakyat semakin terserlah setelah banyak kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan yang berjaya dilaksanakan oleh PAS kawasan Tanjong Malim dengan cemerlangnya. Contohnya, ialah gotong royong Unit Amal di Kg. Sabar Jaya, gotong royong memperbaiki rumah yang rosak di gugusan Besout dan Trolak, gotong royong membersihkan kawasan banjir kilat dan membantu mangsa banjir di Pekan Trolak, Trolak Selatan, Klah Baru dan Kuala Slim, serta gotong royong membantu mangsa ribut di Kuala Slim. Unit Amal juga turut membantu program dan aktiviti PAS

²⁰ Beliau merupakan seorang yang dermawan dan banyak menyumbang kepada PAS kawasan Tanjong Malim. Sekarang berada dalam keadaan uzur dan menetap di Trolak Selatan, Perak.

²¹ Beliau merupakan seorang muallaf berketurunan Cina.

²² Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

kawasan Tanjong Malim, seperti program ceramah, kematian, kenduri kesyukuran dan kenduri perkahwinan.²³

Setelah pilihanraya umum ke-12 pada Mac 2008, PAS kawasan Tanjong Malim telah mengambil inisiatif menubuhkan Kelab Penyokong PAS di kawasan ini bagi meraikan sokongan non muslim yang turut membantu PAS dan Pakatan Rakyat di kawasan Tanjong Malim. Sokongan kelab ini terhadap PAS yang kini telah diiktiraf sebagai Dewan Himpunan Penyokong PAS²⁴ dan setaraf dengan DPPK dan DMPK sangat terserlah apabila Pakatan Rakyat berjaya memenangi Dun Sungkai dan Dun Behrang dalam pilihanraya umum tersebut.²⁵

4.2.2 Aktiviti Tarbiyah di Kawasan Tanjong Malim, Perak

Tarbiyah PAS adalah fleksibel dan ia dilaksanakan sesuai dengan keadaan sesuatu tempat dan masa. Berikut adalah antara aktiviti tarbiyah yang dijalankan oleh PAS kawasan Tanjong Malim.

²³ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak. Pemerhatian menghadiri beberapa siri kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan anjuran Unit Amal kawasan Tanjong Malim, Perak di Sabar Jaya, Besout, Trolak,

²⁴ Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) telah dilancarkan oleh Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Pejabat Tanah Klang, Selangor pada 23 Mei 2010. Dahulunya dikenali sebagai Kelab Penyokong PAS (KPP) yang ditubuhkan sejak tahun 2005. Dewan Himpunan Penyokong PAS mempunyai ahli seramai 20000 orang semasa pelancarannya. Rujuk http://pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2899:presiden-pas-lancar-dewan-himpunan-penyokong-pas&catid=1:terkini&Itemid=2.

²⁵ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

(a) Program Usrah (*Usrah*)

Program *usrah* adalah aktiviti tarbiyah yang paling utama yang dilaksanakan oleh PAS kawasan Tanjong Malim. Kekuatan aktiviti tarbiyah sebenarnya bergantung kepada kejayaan melaksanakan program *usrah*. Jika program *usrah* berjalan dengan baik sebagaimana yang dirancangkan, maka tarbiyah di sesuatu kawasan itu boleh dianggap berjaya. Namun jika *usrah* yang merupakan asas tarbiyah yang pertama gagal dilaksanakan dengan baik, maka tarbiyah di sesuatu kawasan tersebut pasti berada dalam keadaan yang membimbangkan. Antara program *usrah* yang dijalankan di kawasan Tanjong Malim ialah *usrah* PAS kawasan, DPPK, DMPK, PAS cawangan dan *usrah* gabungan.

Menurut Zulqarnain Hassan,²⁶ program *usrah* di kawasan Tanjong Malim adalah berjalan secara sederhana dalam bentuk kelas pengajian. Keadaan ini berlaku bukan sahaja kepada PAS kawasan Tanjong Malim sahaja, sebaliknya turut berlaku kepada

²⁶ Beliau dilahirkan di Ulu Kinta, Ipoh, Perak pada tahun 1969. Mendapat pendidikan di Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh, Perak selama 3 tahun, Kolej Islam Kelang (semasa menuntut di Tingkatan empat dan lima), mengikuti kursus matrikulasi di Universiti Pertanian Malaysia selama 2 tahun, pondok al-Nahdhah, Kota Sarang Semut, Kedah selama 2 tahun dan melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar sehingga mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syarī'ah Islamiyah antara tahun 1991 hingga 1995 dan tahun 1995 hingga 1997. Beliau juga berkelulusan Sarjana dalam bidang Siyāsah Syar'iyah dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 2006. Memulakan kerjaya sebagai guru di Ma'ahad al-'Abbāsiyah, Sungkai, Perak sejak 1995 hingga 2008 dan pernah dilantik sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) di ma'ahad tersebut. Kini, beliau sedang berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Syariah Islamiah di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan sejak tahun 2009. Dalam politik, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS kawasan Tanjong Malim selama 2 penggal dan turut diamanahkan sebagai Exco Dewan Pemuda PAS Negeri Perak pada sesi 2007/2009. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai YDP PAS kawasan Tanjong Malim pada sesi 2004/2005 sebelum melepaskan jawatan tersebut pada tahun 2008 kerana berkhidmat di KIAS. Beliau juga Ajk Lajnah Tarbiyah dan Latihan Perkaderan PAS negeri Perak antara 2002 hingga 2008 dan pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Dewan Ulama PAS negeri Perak. Kini, beliau masih lagi sebagai Ajk Lajnah Tarbiyah dan Dewan Ulama PAS Perak, walau pun menetap di Pengkalan Chepa, Kelantan. Merupakan seorang yang aktif dan senantiasa menyampaikan kuliah dan syarahan agama di Perak, khususnya di Tanjong Malim.

DPPK, DMPK dan PAS cawangan. Menurut beliau lagi, perjalanan program *usrah* turut bergantung kepada kredibiliti *naqīb* yang di lantik. Para *naqīb* biasanya dilantik dari kalangan mereka yang berpendidikan dan berkelulusan agama, sama ada secara formal atau tidak formal dan mempunyai pengalaman yang luas dalam *usrah* dan tarbiyah. Kebijaksanaan *naqīb* dalam mengendalikan *usrah* menjadi faktor penentu yang menyumbang kepada kejayaan program *usrah* di Tanjong Malim. Kesannya dapat dilihat kepada kekerapan *usrah* yang biasanya dijalankan dua kali sebulan bagi DPPK, DMPK dan PAS cawangan, manakala sekali sebulan bagi program *usrah* PAS kawasan Tanjong Malim.²⁷ Tambah beliau lagi, PAS kawasan juga turut terlibat dengan program *usrah* gabungan zon Selatan yang diadakan beberapa kali dalam setahun, iaitu kawasan Kampar, Tapah dan Tanjong Malim. Lazimnya, *usrah* gabungan tersebut dihadiri oleh pimpinan PAS kawasan sahaja. PAS kawasan Tanjong Malim biasanya menghantar 5 orang wakil bagi menyertai *usrah* gabungan zon Selatan yang diadakan di Masjid Lama Kampar.²⁸

Baharudin Ishak²⁹ pula menyatakan pengendalian *usrah* pada zaman sekarang sangat berbeza dengan *usrah* yang dijalankan pada zaman 1990-an. Di peringkat awal

²⁷ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

²⁸ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-24, bertarikh pada 7 Mei 2006, tempat di Pusat Tarbiyah PAS Kawasan Serigala, Slim River, Perak, h. 14; Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-25, bertarikh pada 28 April 2007, tempat di Pusat Tarbiyah PAS Kawasan Serigala, Slim River, Perak, h. 10.

²⁹ Beliau dilahirkan di Kg. Klan, Slim River, Perak pada tahun 1945. Pernah menjawat jawatan sebagai Eksekutif Kanan Bahagian Tata tertib dan Disiplin TNB, Kuala Lumpur sebelum bersara wajib pada tahun 2004. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ajk Badan Perhubungan PAS Wilayah Persekutuan semasa berkhidmat di sana. Di Tanjong Malim, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ajk PAS kawasan selama beberapa penggal sebelum dilantik sebagai Timbalan YDP dan Pemangku YDP PAS kawasan Tanjong Malim sesi 2007/2009, apabila Zulqarnain Hassan berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan. Beliau turut menjawat jawatan sebagai

penubuhan Felda, ahli PAS yang baru bergelar peneroka di Felda Besout, Trolak dan Sungai Klah, dan masih berada dalam kesusahan dan kesempitan hidup boleh menunaikan solat fardhu secara berjama'ah di ladang kelapa sawit. Kerjasama dan semangat muhibah di kalangan mereka cukup tinggi sehingga masjid-masjid sentiasa penuh dan dikunjungi ahli jama'ah. Namun, situasi ini sudah mula berubah apabila para penerokanya diulit kesenangan dan kemewahan duniawi sehingga program *usrah* sukar untuk dilaksanakan di cawangan-cawangan yang tertentu. Menurut beliau lagi, perjalanan *usrah* di kawasan Tanjong Malim kini agak perlahan. Banyak PAS cawangan yang tidak melaksanakan program tersebut walaupun telah ditetapkan pelaksanaannya dua kali sebulan oleh pimpinan PAS kawasan, malah PAS kawasan Tanjong Malim sendiri pun kadang-kadang tidak melaksanakan program *usrah* wajib yang sepatutnya dijalankan sebulan sekali. Mulai tahun 2010, pihak pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim, khususnya Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan telah membahagikan program *usrah* kepada tiga zon, iaitu zon Besout, Trolak dan Slim, dan dipantau oleh tiga orang naqib utama, iaitu Mohd Tarmizi Abdul Rahman (Yang Dipertua), Abdul Salam Abdullah (Timbalan Yang Dipertua) dan Nik Abdul Hadi Raja Abdullah (Naib Yang Dipertua). Setiap kali *usrah* cawangan diadakan, pimpinan PAS kawasan akan turun padang bagi menyampaikan *taujihat*, melakukan ziarah dan berjumpa dengan ahli cawangan di

Pengerusi Lajnah Tarbiyah PAS kawasan pada sesi tersebut. Pada sesi 2005/2007, beliau pernah dilantik sebagai Ajk Badan Perhubungan PAS negeri Perak. Beliau juga merupakan salah seorang pemegang portfolio NGO dalam MTD N. 58 Slim dalam pilihanraya umum yang ke 12. Kini beliau masih lagi sebagai Ajk PAS kawasan dan dipertanggungjawabkan mengetuai Lajnah Pengguna dan Alam Sekitar sesi 2009/2011 dan salah seorang naqib (cawangan Slim Village) di Tanjong Malim. Beliau seorang yang aktif dan senantiasa menyampaikan kuliah dan syarahan agama di sekitar Slim River dan Tanjong Malim.

peringkat akar umbi bagi mempererat lagi hubungan ukhuwwah sesama ahli dan menyampaikan maklumat terkini kepada cawangan tersebut.³⁰

Harisah Sidek³¹ turut sependapat dengan Baharudin Ishak di mana perjalanan *usrah* di kawasan Tanjong Malim kebelakangan ini agak perlahan, khususnya DMPK Tanjong Malim. Keadaan ini adalah berpunca daripada kelemahan Lajnah Tarbiyah DMPK Tanjong Malim yang kurang berfungsi. Program *usrah* DMPK biasanya diadakan sebulan atau dua bulan sekali di pejabat PAS kawasan Tanjong Malim dan kadang-kadang diadakan di cawangan tertentu pada hari Sabtu, jam 3.00 petang. Biasanya kehadiran ahli *usrah* adalah lebih kecil berbanding dengan *usrah* PAS kawasan dan *usrah* DPPK Tanjong Malim. Namun, *usrah* DMPK diperkuatkan dengan kehadiran ahli Nisa' Tanjong Malim. Beliau juga turut menegaskan bahawa *usrah* DMPK terbahagi kepada dua, iaitu *usrah* khusus untuk pimpinan DMPK yang berbentuk motivasi dan *usrah* umum yang berbentuk kelas pengajian agama yang biasanya dikunjungi oleh orang ramai

³⁰ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

³¹ Beliau beliau berasal dari Kg. Balun, Slim River, Perak. Merupakan usahawan muslimat yang aktif di sekitar Tanjong Malim. Beliau merupakan pemilik "Kedai Emas Kelantan" di Slim River dan Tanjong Malim. Beliau turut membuka stokis HPA di daerah ini. Kini perniagaan beliau semakin meluas apabila Hub Halal yang baru beroperasi kira-kira setahun lepas semakin diterima masyarakat tempatan. Beliau berpengalaman sebagai pendidik selama 4 tahun, iaitu di SK. Balun dan SK. Aminuddin Baki pada tahun 1980 hingga 1983, tetapi meletakkan jawatan kerana lebih cenderung dalam bidang perniagaan. Pengalaman dalam politik bermula apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari kabinet dan kerajaan pada tahun 1997. Beliau menyertai Parti Keadilan Nasional (kini Parti Keadilan Rakyat) pada tahun 1999 dan senantiasa berada di rumah mantan Timbalan Perdana Menteri itu bagi mengadakan bacaan Yāsīn pada setiap malam Jumaat bersama Dr. Siti Rokiah dan Dr. Shafie (pemilik Poliklinik dan Pusat Perubatan Bakti *al-'Aminīn*, Tanjong Malim). Walau bagaimanapun, apabila berlaku perpecahan dalam Parti Keadilan Rakyat antara beliau dan Jamaluddin Mohd Radzi (memenangi DUN Behrang pada pilihanraya umum ke 12, tetapi melompat parti menjadi Adun bebas dan menyokong BN pada tahun 2009) dan Datin Seri Dr. Wan Azizah telah memilih Jamaluddin sebagai pimpinan parti, maka beliau telah memilih untuk menyertai PAS pada tahun 2004, setelah menerima pelawaan Mohd Tarmizi Abdul Rahman, iaitu YDP PAS kawasan pada masa itu, di mana masa yang diambil untuk memproses keahlian beliau dalam PAS hanya sebulan sahaja. Beliau pernah menjadi Ketua Halwa, Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS kawasan, Timbalan Pengarah 3 MTD. N. 58 Slim dalam pilihanraya umum ke 12 dan Ajk Dewan Muslimat PAS negeri Perak (Ajk Lajnah Ekonomi) sesi 2007/2009. Kini beliau bertanggungjawab sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS kawasan Tanjong Malim dan Ketua Biro Wanita JKPP Kg. Klan.

daripada pelbagai latar belakang. DMPK mempunyai beberapa orang *naqībah*, antaranya ialah Bariah Mohamed Noh, Jamilah Mohamad dan Sulaiha Saari. Namun setelah perpindahan Bariah Mohamed Noh ke Kelantan,³² para *naqībah usrah* DMPK kelihatan seolah-olah gagal mengendalikan program *usrah* muslimat dengan sebaik mungkin.³³

Menurut Abdul Salam Abdullah,³⁴ pengisian *usrah* PAS kawasan Tanjong Malim adalah disampaikan oleh Mohd Tarmizi Abdul Rahman (Yang Dipertua), Abdul Salam Abdullah (Timbalan Yang Dipertua) dan Nik Abdul Hadi Raja Abdullah (Naib Yang Dipertua). Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan yang dipengerusikan oleh beliau pernah menjemput *nuqabā'* dari luar kawasan Tanjong Malim bagi menyampaikan pengisian tentang tajuk yang dibincangkan.³⁵

Mohd Tarmizi Abdul Rahman³⁶ pula menjelaskan bahawa kelemahan *tarbiyah* dan *usrah* di Tanjong Malim adalah berpunca daripada kekurangan golongan

³² Bariah Mohamed Noh merupakan isteri kepada Zulqarnain Hassan. Berkelulusan dari Universiti al-Azhar dan pernah berkhidmat sebagai guru di Ma'ahad al-'Abbāsiyah, Sungkai, Perak. Kini meneruskan kelangsungan sebagai pendidik di salah sebuah sekolah kendalian Yayasan Islam Kelantan (YIK) mulai tahun 2010.

³³ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

³⁴ Beliau berasal dari Kg. Kuala Slim, Perak. Pernah menjawat jawatan sebagai Pengurus Felda Palong Timur 1 di Segamat, Johor semasa berkhidmat dengan kerajaan. Pernah menyertai ABIM dan mendapat tarbiyah daripadanya. Pernah dilantik sebagai Timbalan Pengarah 1 MTD N. 58 Slim dalam pilihanraya umum ke 12 dan merupakan salah seorang naqib PAS kawasan. Beliau pernah dilantik sebagai Aik PAS kawasan Tanjong Malim, Perak sebelum dilantik sebagai Timbalan YDP PAS kawasan berkenaan untuk sesi 2009/2011. Beliau juga turut bertanggungjawab sebagai Pengerusi Lajnah Tarbiyah PAS kawasan.

³⁵ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

³⁶ Beliau berasal dari Batu Kurau, Perak. Berhijrah ke Tanjong Malim pada tahun 1994 dan tinggal di Kampung Kurnia sebelum menetap di Taman Seroja, Slim River. Mendapat pendidikan di Maktab Mahmud, Kedah dan Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1985 hingga 1992. Pernah berkhidmat sebagai guru sementara di SMK. Dato' Zulkifli Mohamad pada tahun 1994 hingga 1996 dan menjadi guru subjek Mantiq di Ma'ahad al-'Abbāsiyah. Pernah menyandang jawatan Pengerusi Tarbiyah PAS kawasan Tanjong Malim pada tahun 1994, Timbalan YDP PAS kawasan pada tahun 1995 dan YDP PAS kawasan pada tahun 1996 hingga 2000 dan sesi 2009/2011. Beliau pernah diamanahkan sebagai Ketua Penerangan Dewan

berpendidikan dan berkelulusan agama, seperti imam, ustaz dan pegawai agama. Kekurangan institusi pengajian agama di Tanjong Malim juga menjadikan kawasan ini sukar untuk mentarbiyah masyarakat ke arah nilai-nilai Islam. Tambahan pula, Tanjong Malim adalah sebuah kawasan yang berhampiran dengan Kuala Lumpur. Pasti gaya hidup masyarakatnya agak moden dan selari dengan arus pemodenan. Selain itu, PAS kawasan Tanjong Malim juga sukar untuk mendapatkan bantuan dari kawasan lain kerana berada di lokasi paling Selatan di negeri Perak. Walau bagaimanapun, PAS kawasan Tanjong Malim masih bernasib baik kerana program *usrah* turut mendapat sokongan daripada kalangan ustaz dan guru yang berkhidmat di kawasan ini. Tenaga sukarela yang membantu gerakan Islam ini di Tanjong Malim senantiasa berterusan, walaupun aktivis yang terlibat dalam program *usrah* ini adalah berasal dari luar Tanjong Malim.³⁷

Bagi Arman Yusop pula,³⁸ pelaksanaan *usrah* di kawasan Tanjong Malim agak kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan kawasan lain di Perak.

Ulama PAS negeri Perak antara tahun 1996 hingga 2002 sebelum diambil alih oleh Ahmad Awang. Beliau juga merupakan seorang pendakwah bebas dan banyak menyampaikan ceramah agama dan kuliah di masjid dan surau di seluruh negeri Perak. Merupakan seorang pengkuliah tetap kuliah subuh di Masjid Slim River. Antara kitab yang disampaikan oleh beliau ialah *Asmā al-Husnā* dan *Aqīdah Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah*. Dalam pilihanraya umum tahun 1999 dan 2004, beliau telah diamanahkan oleh pucuk pimpinan untuk menjadi calon PAS di N.58 Slim. Beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Jabatan Pilihanraya Negeri Perak mulai tahun 2008 hingga sekarang.

³⁷ Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

³⁸ Beliau dilahirkan di Kampung Sg. Lempung, Selama, Perak pada tahun 1976. Mendapat pendidikan di SK. Seri Besout dan Maahad al-Abbasiyah, seterusnya menyambung pendidikan di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan dan memperoleh Sijil Tinggi Ugama (STU) di SMU (A) Tarbiyah Mardhiah (Panchor, Kelantan), mendapat Diploma Syariah di Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) dan mendapat Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar. Memulakan kerjaya sebagai guru di Ma'ahad Tahfiz al-Din (Tapah, Perak), guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Batang Padang, Bidor dan Ma'ahad al-'Abbasiyah, Sungkai, Perak. Kini menyandang jawatan sebagai Pengerusi Mu'assasah al-Iman dan Guru Agama Dakwah Daerah Tapah, Perak. Beliau yang merupakan *naqib* di kawasan Tanjong Malim sejak tahun 2004 pernah diamanahkan sebagai Aik Dewan Ulama PAS Negeri Perak (2008-2011), Pengerusi Lajnah Ulama Pelapis Perak (2010-kini), Pengerusi Lajnah Penyelidikan Dewan Ulama PAS Perak (2007-2009), Aik

Berdasarkan pengalaman beliau yang terlibat secara langsung dengan Dewan Ulama PAS Perak (DUPP), sistem pentarbiyahan di kawasan ini kurang sistematik dan tidak terancang. Keadaan ini adalah berpunca daripada kepimpinan PAS kawasan yang kurang memberikan fokus terhadap aspek tarbiyah kerana mempunyai masa yang terhad dan terpaksa membahagikan masa untuk aktiviti tarbiyah dan politik. Tambah beliau lagi, kepimpinan PAS kawasan ini dilantik tanpa melalui proses pentarbiyahan yang bertanzim dan pemilihan yang terancang. Pimpinan yang bakal dipilih dan dilantik bagi menjawat sesuatu jawatan dalam kawasan sewajarnya dinilai daripada proses tarbiyah yang pernah dilalui, termasuklah kehadiran ke program *usrah*. Walau bagaimanapun, beliau memuji keistimewaan yang dimiliki DPPK Tanjong Malim sehingga pernah menerima beberapa anugerah daripada PAS Perak, iaitu Unit Amal terbaik peringkat negeri Perak.³⁹

Bagi Aminuddin Zulkifli pula,⁴⁰ ahli PAS dari kalangan DPPK dan Unit Amal digalakkan hadir bersama untuk menyertai perbincangan dalam program *usrah* setiap kali diadakan. Perbincangan *usrah* DPPK tidak banyak bezanya dengan *usrah-usrah* yang lain, tetapi isu yang dibincangkan adalah lebih kepada aktiviti pemuda dan Majlis Tindakan Dun (MTD) N.58 Slim kerana DPPK Tanjong Malim telah diamanahkan untuk melaksanakan tugas tersebut. *Usrah* DPPK diadakan dua kali sebulan, iaitu pada minggu

Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim (DPPTM) sejak tahun 2004 hingga kini dan Timbalan Pengerusi Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim, Perak.

³⁹ Temu bual dengan Arman bin Yusop pada 29 Jun 2010, hari Selasa di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg.

⁴⁰ Beliau berasal dari Kampung Rasau, Slim River, Perak. Pada sesi 2007/2009, beliau diamanahkan untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Lajnah Undang Undang PAS Negeri Perak. Pada sesi 2009/2011 pula, beliau dilantik sebagai AJK PAS Negeri Perak. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua DPPK Tanjong Malim dan Ketua Penerangan DPPN Perak selama beberapa penggal. Pernah dilantik sebagai wakil calon dalam beberapa pilihanraya umum sebelum ini. Terlibat secara langsung dalam permohonan empat orang pelajar sekolah menengah yang mencabar keputusan kerajaan menguatkuasakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah pada tahun 2003, mewakili Hashim Jasin memfailkan petisyen terhadap pilihanraya Dun Sanglang, Perlis dan perbicaraan kes Mohamad Sabu dan sembilan yang lain di Mahkamah Majistret Jawi, Pulau Pinang.

pertama dan minggu ketiga setiap bulan, hari Khamis malam Jumaat, bertempat di markas tarbiyah DPPK Tanjong Malim yang terletak di Slim River Bandar Baru, dan kadang-kadang diadakan di rumah Ajk DPPK Tanjong Malim secara bergilir-gilir.

Hashim Hamud⁴¹ menyatakan bahawa PAS turut mengadakan *usrah nuqabā'* di kawasan Tanjong Malim. Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada para *nuqabā' usrah* PAS cawangan, DPPK, DMPK dan PAS kawasan Tanjong Malim. Pelaksanaan *usrah nuqabā'* ini adalah berbentuk fleksibel dan kadang disampaikan dalam bentuk taklimat bertempat di markas tarbiyah PAS Kawasan Slim River Bandar Baru. Pendedahan *thaqāfah* kepada *nuqabā'* diberikan dari masa ke semasa, di samping maklumat dan info terkini bagi membolehkan *usrah* dapat dijalankan dengan jayanya.⁴²

Kesimpulan, program *usrah* PAS kawasan Tanjong Malim diadakan sebulan sekali, manakala *usrah* DPPK, DMPK dan cawangan pula diadakan sebanyak dua kali sebulan. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa kekangan dan halangan yang tertentu, program *usrah* yang sepatutnya dilaksanakan secara berjadual kadang-kadang tidak dapat diadakan. Terdapat 22 cawangan dalam kawasan Tanjong Malim, di mana setiap cawangan mempunyai *usrah* PAS cawangan masing-masing. *Naqīb* dan Ketua Cawangan memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan program *usrah* di peringkat cawangan. Pemantauan *usrah* oleh Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan dilaksanakan mengikut zon, iaitu zon Besout, Trolak dan Slim. Terdapat lima

⁴¹ Beliau berasal dari Kampung Rasau, Slim River, Perak. Dilantik sebagai Ketua Urusan Ulama PAS kawasan Tanjong Malim sejak tahun 2000-2011. Pernah bertugas sebagai guru agama di Brunei Darul Salam selama 10 tahun. Meninggal dunia pada Mei 2011 kerana menghidap penyakit kencing manis.

⁴² Temu bual dengan Hashim Hamud pada jam 3.00 ptg, 17 Julai 2010, hari Sabtu di rumah beliau di Kampung Rasau, Slim River, Perak.

cawangan yang berada di bawah pemantauan zon Besout, iaitu cawangan Besout 1, Besout 2, Besout 3, Besout 4 dan Besout 5. Manakala *usrah* cawangan Trolak Utara, Trolak Selatan dan Trolak Timur diletakkan di bawah pemantauan zon Trolak. Sementara lima cawangan lagi berada di bawah zon Slim, iaitu cawangan Pekan Trolak, Slim River Bandar Baru, Klant Halt, Kuala Slim dan Pekan Slim.

(b) Usrah Gabungan

Menurut Zulqarnain Hassan, program *madrasah* dijalankan oleh PAS kawasan Tanjong Malim, tetapi dalam bentuk yang berbeza, di mana PAS kawasan tidak memberikan fokus kepada 10 slot pengisian utama yang sepatutnya dilalui oleh semua ahli PAS pada peringkat *ta'rif*, *takwīn* dan *tanfīz*.⁴³ Pengisian program *madrasah* tersebut akan diselitkan ke dalam mana-mana aktiviti tarbiyah yang lain kerana kesuntukan masa, pertindihan aktiviti tarbiyah dan kekurangan tenaga penggerak.⁴⁴

Bagi Abdul Salam Abdullah, PAS kawasan Tanjong Malim tidak berhasrat untuk mendidik ahli PAS sebagai kader dan *'āmilīn* yang mampu bertugas sepenuh masa dengan PAS, kerana ketiadaan institusi pengajian agama berbentuk yang *bertanzīm* atau tidak *bertanzīm* di kawasan Tanjong Malim, sebaliknya memadai bagi PAS kawasan ini untuk melahirkan ahlinya yang istiqamah dan komited dengan perjuangan Islam.

⁴³ Sepuluh slot pengisian utama dalam program madrasah ialah keutamaan ilmu, Islam sebagai al-Dīn, *syahādah*, *tazkiyah al-nafs*, *fiqh al-Da'wah*, *khilāfah Islāmiyah*, sejarah perkembangan gerakan Islam sedunia, sejarah perjuangan PAS, kewajipan *intimā'* dengan jama'ah Islam dan kenapa saya bersama PAS. Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 18.

⁴⁴ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

Antaranya ialah melahirkan ahli yang mempunyai kefahaman tentang *usrah* dan senantiasanya mengikuti program tersebut.⁴⁵

Justeru itu, Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim tidak menyerahkan laporan madrasah kepada Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak yang sepatutnya diserahkan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.⁴⁶

(c) ***Qiyāmullail (Katībah)***

PAS kawasan telah menjadikan *katībah* sebagai satu program utama tarbiyah, di mana elemen *rūhiyah* diterapkan kepada pimpinan dan ahli. PAS Kawasan Tanjong Malim biasanya menganjurkan program *katībah* dengan kerjasama Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan. Begitu juga dengan DPPK Tanjong Malim dengan kerjasama Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan DPPK, DMPK Tanjong Malim dengan kerjasama Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan DMPK, dan PAS cawangan. Program *katībah* gabungan turut dilaksanakan antara PAS kawasan, DPPK dan DMPK Tanjong Malim. Pimpinan dan ahli yang menghadiri program tarbiyah anjuran Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak akan sentiasa istiqamah dalam menunaikan ibadah *qiyāmullail*.

Menurut Harisah Sidek, beliau pernah mengikuti program *katībah* atau *qiyāmullail* sebanyak enam kali dalam program *tamrīn qiyādī* yang telah dijalankan di

⁴⁵ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

⁴⁶ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 44.

Kem Ansor,⁴⁷ Kem Sabar Jaya⁴⁸ dan Pusat Tarbiyah Hasyim Hamud.⁴⁹ Sementara Abdul Salam Abdullah pula mendedahkan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim pernah mengadakan program *katībah* di masjid Kuala Slim yang berada dalam cawangan Kuala Slim. Pada ketika itu beliau baru sahaja dilantik sebagai salah seorang Aik PAS kawasan dan merupakan pimpinan PAS cawangan Kuala Slim.⁵⁰

Baharudin Ishak menjelaskan bahawa PAS kawasan kurang memberikan tumpuan kepada program *katībah* atau *qiyāmullail*. Banyak program *qiyāmullail* yang diikuti oleh beliau bukan dianjurkan oleh PAS, sebaliknya dianjurkan oleh mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Sultan Azlan Shah (POLISAS), Ma'ahad Tahfīz Kg. Rasau, Slim River dan komuniti Surau Ehsāniah Kg. Kelan. Dalam beberapa siri program *ijtimā'* yang diadakan pada tahun 2010, beliau turut mendapati *katībah* atau *qiyāmullail* tidak dijalankan oleh PAS kawasan, walaupun *ijtimā'* kini telah diadakan pada waktu malam. Menurut beliau lagi, kali terakhir *qiyāmullail* dilakukan secara berjama'ah oleh PAS kawasan Tanjong Malim ialah pada awal tahun 2010.⁵¹

Menurut Zulqarnain Hassan, PAS kawasan Tanjong Malim wajar menjadikan *katībah* atau *qiyāmullail* sebagai rutin peribadi dan dilaksanakan secara berjama'ah pada

⁴⁷ Kem ini terletak berhampiran dengan Perlok Recreational Camp Centre (PRCC) di Sungkai, Perak. Lokasi ini menjadi tumpuan ramai, khususnya PAS kawasan Tanjong Malim kerana kedudukannya yang strategik dan sesuai untuk sebarang program berbentuk kem, perkhemahan, kekeluargaan dan kemasyarakatan.

⁴⁸ Kem ini terletak di Kampung Sabar Jaya berdekatan dengan Felcra Changkat Sulaiman, Sungkai, Perak. Kedudukannya agak ke pendalaman berbanding dengan Kem Ansor.

⁴⁹ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

⁵⁰ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

⁵¹ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

setiap dua atau tiga bulan sekali. Lantaran itulah, semasa PAS kawasan Tanjong Malim berada di bawah kepimpinan beliau, banyak program-program tarbiyah dan bukan tarbiyah yang dianjurkan oleh PAS kawasan akan disisipkan dengan program *qiyāmullail*. Pimpinan dan ahli PAS berkesempatan melaksanakan aktiviti tersebut, walau di mana sahaja mereka melaksanakan program kawasan.⁵²

Mohd Tarmizi Abdul Rahman turut menegaskan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim mewajibkan pimpinan dan ahli PAS agar melaksanakan ibadah *qiyāmullail* pada malam 10 akhir Ramaḍān sebagai amalan peribadi, sama ada ibadah tersebut ditunaikan di rumah, masjid atau surau. Menurut beliau, PAS kawasan turun ke semua cawangan secara bergilir-gilir sepanjang bulan Ramaḍān. Selain daripada solat terawih secara berjama'ah, pimpinan turut mengambil kesempatan untuk menyampaikan tazkirah Ramaḍān kepada masyarakat di masjid cawangan tersebut. Perjumpaan khusus antara pimpinan dan ahli juga turut diadakan di markas PAS cawangan berkenaan. PAS juga turut mengambil inisiatif melakukan ibadah *qiyāmullail* secara berjemaah di masjid cawangan berkenaan. Beliau menambahkan lagi bahawa PAS kawasan turut mengadakan *qiyāmullail* wajib secara perdana yang merupakan sebahagian daripada program tahunan PAS kawasan yang diadakan di Masjid Slim River.⁵³

⁵² Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

⁵³ Program *qiyāmullail* perdana diadakan di masjid Slim River dengan diimamkan oleh Mej (B) Ahmad Shahabuddin dan Sharuddin Hussin. Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

Bagi Hashim Hamud, PAS bukan sahaja melaksanakan program *qiyāmullail* pada bulan Ramaḍān sahaja, sebaliknya turut melaksanakan secara kerap terutamanya pada musim pilihanraya umum. Solat berjama'ah, solat hajat dan zikir munajat secara perdana senantiasia dianjurkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim dengan kerjasama Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan DPPK Tanjong Malim dan semasa kekacauan politik akibat rampasan kuasa oleh Barisan Nasional daripada Pakatan Rakyat pada tahun 2009. Program tersebut turut dijalankan oleh semua cawangan sebagai aktiviti wajib. Di samping itu, DPPK, DMPK dan PAS kawasan Tanjong Malim pernah beberapa kali menghadiri program munajat perdana yang dianjurkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak, termasuklah munajat perdana di Ipoh, Perak.⁵⁴

Ringkasnya, program *katībah* atau *qiyāmullail* banyak dijalankan di kawasan Tanjong Malim. Walau pun pelaksanaan program *katībah* mungkin kurang menepati maksud katibah dalam manhaj tarbiyah PAS dan berbeza-beza mengikut peringkat *ta'rif*, *takwīn* dan *tanfīz*, namun pengisiannya tetap terarah kepada *tarbiyah rūhiyah*, muhasabah diri, *qiyāmullail* dan ibadah secara berjama'ah.

(d) Lawatan (*Rehlah Tarbawiyah*)

Menurut Zulqarnain Hassan, program *rehlah tarbawiyah* merupakan program tahunan PAS kawasan Tanjong Malim. Kebiasaannya, program tersebut diadakan di Muara Tesong, Taman Perhilitan (Rusa) Perlok dan Kem Ansor. Bagi menjimatkan masa,

⁵⁴ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-27, bertarikh pada 19 April 2009, tempat di Pusat Tarbiyah PAS Kawasan Serigala, Slim River, Perak, h. 12.

tenaga dan kewangan, PAS kawasan turut mengambil inisiatif dengan menggabungkan beberapa program tarbiyah, iaitu program *reḥlah tarbawiyyah*, *tamrīn tarbawī* dan *mukhayyam tarbawī*.⁵⁵

Harisah Sidek pula turut memaklumkan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim mengambil inisiatif mengadakan program Hari Keluarga PAS. Pimpinan dan ahli PAS bukan sekadar mengikuti program tarbiyah fardiyah semata-mata, sebaliknya ahli keluarga juga digalakkan menghadiri program mahabbah dengan bertujuan untuk memupuk perasaan kasih sayang, ukhuwwah dan saling berkenalan antara satu sama lain.⁵⁶ Menurut beliau lagi, DPPK Tanjong Malim pernah mengadakan *reḥlah tarbawiyyah* ke Kampung Chinggung, Tanjong Malim pada 24 Januari 2010.⁵⁷

Baharudin Ishak dan Abdul Salam Abdullah menyatakan bahawa program *reḥlah tarbawiyyah* tidak lagi dilaksanakan oleh PAS kawasan Tanjong Malim sejak Zulqarnain Hassan berpindah dan berkhidmat di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan pada akhir tahun 2008. Sebelum ini, beberapa siri reḥlah telah berjaya dianjurkan, iaitu *reḥlah tarbawiyyah* ke Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa, Kelantan, *reḥlah tarbawiyyah* ke Markas Tarbiyah PAS Pusat, Taman Melewar, Gombak, Selangor, *reḥlah tarbawiyyah* ke Markas Tarbiyah PAS Air Kuning, Taiping, Perak, *reḥlah tarbawiyyah* ke Badan Perhubungan PAS Perak, dan

⁵⁵ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

⁵⁶ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

⁵⁷ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-8, bertarikh pada 27 Mac 2010, tempat di Markas Tarbiyah Serigala, Slim River, Perak, h. 12.

reḥlah tarbawiyah ke pusat rekreasi dan pelancongan, seperti Gua Tempurung, Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sungai Klah, Taman Perhilitan (Rusa) Perlok dan tempat program PAS dilangsungkan, seperti seminar, ceramah dan mu'tamar.⁵⁸

Tegasnya, program *reḥlah tarbawiyah* lebih mudah dilaksanakan berbanding dengan program *tamrīn tarbawī* dan *mukhayyam tarbawī*. Tempoh perlaksanaannya pula adalah bergantung kepada jarak tempat program *mukhayyam tarbawī* diadakan. Aktivitinya pula lebih fleksibel dan tidak terikat dengan pengisian atau jadual khusus. Justeru itu, lebih ramai ahli akan menyertai program *reḥlah*.

(e) Program Perkaderan (*Tamrīn Tarbawī*)

Zulqarnain Hassan menyatakan bahawa *tamrīn tarbawī* adalah program wajib yang perlu dihadiri oleh pimpinan PAS kawasan, termasuklah pimpinan DPPK, DMPK dan PAS cawangan.⁵⁹ *Tamrīn tarbawī* biasanya dijalankan selama dua hari dan bermalam. PAS biasanya memilih beberapa lokasi yang sesuai untuk program tamrin, seperti di Sabar Jaya, Pusat Tarbiyah Hashim Hamud di Rasau, muara Tesong dan markas tarbiyah PAS Serigala. Antara *tamrīn tarbawī* yang biasa dijalankan ialah *tamrīn nuqabā'*, *tamrīn* Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan dan *tamrīn qiyādī*. Walau bagaimanapun, PAS kawasan memutuskan untuk menggabungkan ketiga-tiga jenis

⁵⁸ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak. Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

⁵⁹ Ketua Cawangan, Setiausaha dan Bendahari PAS cawangan diwajibkan mengikuti program tamrin tarbawī.

tamrin tersebut dan mengadakannya secara serentak pada tarikh, masa dan tempat yang sama.⁶⁰

Menurut Harisah Sidek, beliau pernah mengikuti program *tamrīn tarbawī* bersama pimpinan PAS kawasan. Selain itu, DMPK juga pernah mengikuti program *tamrīn* anjuran DMPN Perak yang berlangsung di Taiping, Perak. DMPK Tanjong Malim juga turut terlibat secara aktif dalam *tamrīn qiyādī* dan pernah menjadi tuan rumah kepada program berkenaan apabila DMPN Perak mengamanahkan DMPK Tanjong Malim menyediakan lokasi untuk program *tamrīn qiyādī* yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Sungkai, Perak pada tahun 2007.⁶¹

Mohd Tarmizi Abdul Rahman menyatakan bahawa program *tamrīn* pernah diadakan sekali pada awal sesi 2009/2010 bertempat di Kem Ansor, Sungkai, Perak. Beliau turut mengakui PAS kawasan sepatutnya melaksanakan program *tamrīn nuqabā'* sekurang-kurangnya setahun sekali. Para *nuqabā'* dan pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim diwajibkan hadir ke dalam *tamrīn* ini. PAS kawasan Tanjong Malim tidak mementingkan kuantiti *tamrīn*, sebaliknya mengutamakan kualiti pada *tamrīn*. Justeru itu, dalam setiap *tamrīn* yang diadakan, unsur-unsur *siyāsī*, *ḥarakī*, *thaqāfī* dan *riyādī* adalah diutamakan.⁶²

⁶⁰ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

⁶¹ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak. Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-17, bertarikh pada 7 April 2007, tempat di Pasti al-Ansar, Sungkai, Perak, h. 7.

⁶² Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

Berbeza dengan Baharudin Ishak dan Abdul Salam Abdullah yang melahirkan sedikit kekecewaan dengan komitmen ahli terhadap program tarbiyah PAS kawasan Tanjong Malim sejak akhir-akhir ini. Baharudin Ishak mendedahkan bahawa program *tamrīn* sebenarnya tidak diadakan sejak Zulqarnain Hassan berpindah ke Kelantan pada tahun 2009. Pengalaman Zulqarnain Hassan yang luas dalam bidang tarbiyah di peringkat negeri Perak sebenarnya ditagih oleh PAS kawasan Tanjong Malim.⁶³ Manakala Abdul Salam Abdullah yang menerajui Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan kawasan Tanjong Malim mendedahkan masyarakat kawasan ini, khususnya ahli PAS kurang berminat untuk menyertai program tarbiyah terutamanya program *tamrīn*. Kali terakhir program *tamrīn tarbawī* diadakan di Kem Ansor bersama-sama program *mukhayyam tarbawī*.⁶⁴

Kesimpulannya, hanya ahli PAS yang komited sahaja akan menyertai program *tamrīn tarbawī*. Ini kerana pengisian *tamrīn tarbawī* kurang menarik minat golongan muda dan mereka yang baru berjinak dengan PAS. Sehubungan itu, PAS kawasan Tanjong Malim cuba mempermudah pengisian program *tamrīn tarbawī* agar dapat diterima oleh ahli PAS kawasan ini dengan memasukkan beberapa elemen yang sesuai dengan masyarakat setempat, seperti pertandingan memancing ikan dan memanggang ayam.

⁶³ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak. Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

⁶⁴ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

(f) Perkhemahan atau Jambori (*Mukhayyam Tarbawī*)

Mukhayyam tarbawī atau *mu'askar* adalah kemuncak tarbiyah. DPPK, DMPK, PAS cawangan dan PAS kawasan Tanjong Malim akan menyertai program *mukhayyam tarbawī* tahunan yang diadakan di Kem Ansor, Sungkai, Perak.

Menurut Zulqarnain Hassan, *mukhayyam tarbawī* adalah program tarbiyah yang wajib dihadiri oleh pimpinan PAS kawasan, termasuklah pimpinan DPPK, DMPK dan PAS cawangan.⁶⁵ PAS kawasan Tanjong Malim biasanya mengadakan program *tarbawī* serentak dengan program *tamrīn*, iaitu di Sabar Jaya, Pusat Tarbiyah Hashim Hamud di Rasau, muara Tesong dan markas tarbiyah PAS Serigala. Pengabungan program seperti *rehlah tarbawiyah*, *tamrīn tarbawī* dan *mukhayyam tarbawī* memberikan sedikit kelainan kepada PAS kawasan ini untuk menghasilkan satu program baru yang lebih menarik dan bermanfaat. Keluarga pimpinan dan ahli PAS digalakkan hadir bersama bagi memeriahkan suasana, bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan sesama ahli jama'ah tetapi juga keluarga jama'ah.⁶⁶

Bagi Abdul Gani Ibrahim pula,⁶⁷ beliau berpandangan bahawa program jambori Unit 'Amal anjuran DPPK Tanjong Malim adalah program *mukhayyam tarbawī* yang sebenar. Ini kerana pengisian sepanjang berlangsungnya program jambori Unit Amal

⁶⁵ Setiap cawangan diwajibkan menghantar Ketua Cawangan, Setiausaha dan Bendahari ke program tamrin tarbawi.

⁶⁶ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan

⁶⁷ Beliau merupakan mantan Setiausaha DPPK Tanjong Malim. Pada sesi 2009-2011, beliau dilantik sebagai Naib Ketua DPPK Tanjong Malim.

lebih terarah kepada *mukhayyam* dan mempunyai elemen-elemen yang tertentu, seperti niat untuk menjalinkan hubungan ukhuwwah, bekerja untuk mengukuhkan perpaduan, mengambil berat untuk mengenali rakan jama'ah dengan lebih dekat dan prihatin dengan pelaksanaan akhlak yang mulia, di samping manhaj *mukhayyam*, seperti *tajmī'* (pengumpulan), *tarbiyah* (didikan) dan *tadrīb* (latihan).⁶⁸

Harisah Sidek menyatakan bahawa beliau dan beberapa orang pimpinan DMPK Tanjong Malim pernah menyertai program *mukhayyam tarbawī* muslimat yang dianjurkan oleh DMPN Perak di Kampung Sungai Lubuk, Trong, Perak. Namun hanya segelintir sahaja wakil DMPK Tanjong Malim yang dapat menghadiri program *mukhayyam tarbawī* berkenaan kerana berlaku pertindihan dengan beberapa program lain yang turut memerlukan komitmen daripada golongan muslimat.

Ringkasnya, *mukhayyam tarbawī* adalah sebahagian daripada program tarbiyah PAS kawasan Tanjong Malim. Unit Amal juga turut mengadakan *mukhayyamnya* yang tersendiri atau lebih dikenali sebagai Jambori Unit Amal yang merupakan sebahagian daripada program tahunan DPPK Tanjong Malim.

(g) Latihan Kemahiran (*Daurah Tadrībiyyah*)

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas responden, pengkaji mendapati program *daurah tadrībiyyah* tidak pernah dijalankan oleh PAS kawasan Tanjong Malim.

⁶⁸ Temu bual dengan Abdul Gani Ibrahim pada 20 Mac 2010, hari Sabtu di pejabat DPPK Tanjong Malim, Slim River, Perak pada jam 5.00 ptg.

Namun daripada dokumentasi yang pengkaji perolehi mendapati terdapat beberapa *daurah tadrībiyyah* yang pernah dianjurkan atau disertai oleh PAS kawasan Tanjong Malim. Kursus Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim pernah diadakan di markas tarbiyah PAS Serigala, Slim River, Perak, di mana fokus kursus adalah untuk semua pimpinan PAS kawasan, DPPK dan DMPK Tanjong Malim.

Selain itu, kursus pemantapan usrah juga pernah diadakan beberapa kali di Sekolah Rendah Agama Tarbiyah Islamiyah (SRATI), Ipoh, Perak. Kursus tersebut dianjurkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak yang bermatlamat untuk melahirkan para *nuqabā'* yang berjaya, mendedahkan teknik pengendalian *usrah* dan melaksanakannya dengan lebih mantap.⁶⁹ Pada pilihanraya umum yang lalu, kursus dakwah fardiyah turut diadakan di kalangan pengundi, khususnya ahli PAS kawasan Tanjong Malim. Kursus ini bertujuan memberikan motivasi dan rangsangan kepada seluruh jama'ah agar memainkan peranan penting dalam mengajak masyarakat ke arah "*al-Amru bi al-Ma'rūf wa al-Nahyu 'ani al-Munkar*".

Menurut Sulaiha Saari,⁷⁰ beliau terlibat secara langsung dalam menyertai kursus *public speaking* siri 1 dan 2 yang dianjurkan oleh PAS Pusat di Markas Tarbiyah PAS Taman Melewar, Gombak, Selangor. Kursus berkenaan adalah khusus untuk golongan muslimat yang bertujuan untuk melahirkan penceramah dan pemedato muslimat yang

⁶⁹ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-26, bertarikh pada 24 Mei 2008, tempat di Rumah Rehat Slim River, Slim River, Perak, h. 12.

⁷⁰ Beliau berasal dari Felde Besout 2, Sungkai, Perak. Berkelulusan dari Universiti al-Azhar. Sekarang bertugas sebagai guru agama di Ma'ahad al-'Abbāsiyah, Sungkai, Perak. Merupakan AJK DMPK dan Ketua Nisa' PAS kawasan Tanjong Malim sejak tahun 2007. Beliau juga merupakan *naqībah usrah* DMPK Tanjong Malim dan penceramah muslimat untuk pilihanraya umum yang ke-12.

berani menyampaikan syarahan. Selain itu, PAS kawasan juga turut menyertai kursus *public speaking* yang telah diadakan di Markas Tarbiyah PAS Air Kuning, Taiping, Perak.⁷¹

Berdasarkan pernyataan di atas, maka jelaslah bahawa program *daurah tadrībiyyah* pernah diadakan di kawasan Tanjong Malim. Kursus kepimpinan, kursus pemantapan usrah dan kursus dakwah fardiyah adalah sebahagian daripada program *daurah* yang telah diadakan oleh PAS kawasan ini.

(h) Majlis Berbuka Puasa Secara Berjama'ah (*Iftār Jamā'ī*)

Iftār jamā'ī merupakan sebahagian aktiviti tarbiyah yang biasanya dijalankan terutamanya pada bulan Ramaḍān al-Mubārak. Menurut Mohd Tarmizi Abdul Rahman, PAS kawasan dengan kerjasama DPPK dan DMPK Tanjong Malim bertanggungjawab menyusun dan menyediakan jadual *iftār jamā'ī*. Program tersebut bukan sahaja melibatkan pimpinan kawasan dan dewan-dewan sahaja, sebaliknya turut melibatkan keseluruhan PAS cawangan di Tanjong Malim.⁷²

Pernyataan tersebut turut disokong oleh Baharudin Ishak yang menyatakan bahawa seluruh pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim dan dewan-dewan akan menyertai program *iftār jamā'ī* anjuran PAS cawangan secara bergilir-gilir sepanjang

⁷¹ Temu bual dengan Sulaiha Saari pada 10 Ogos 2010, hari Selasa di Ma'ahad al-'Abbāsiyah, Sungkai, Perak pada jam 5.30 ptg.

⁷² Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

bulan Ramadhān al-Mubārak. Selain daripada itu, pimpinan PAS juga akan mengambil kesempatan dengan menunaikan solat farḍu dan solat sunat terawih secara berjama'ah serta menyampaikan tazkirah Ramaḍān. Jika program itu dijalankan di markas PAS, pimpinan turut mengambil peluang untuk menyampaikan *taujihāt* dan nasihat. Dialog juga kadang-kadang turut diadakan antara kedua-dua belah pihak. Kemuncaknya ialah program *iftār jamā'ī* perdana yang dianjurkan oleh PAS kawasan Tanjong Malim. Majlis berkenaan biasanya diserikan lagi dengan ceramah *Nuzūl al-Qur'ān* dan *Ghazwah al-Badar* yang dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat. DMPK dan Nisa' PAS kawasan Tanjong Malim juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam aktiviti yang diadakan.⁷³

Daripada pernyataan ini, pengkaji berpendapat bahawa program *iftār jamā'ī* merupakan program tarbiyah yang sentiasa dijalankan di Tanjong Malim. Sokongan daripada semua pihak, terutamanya PAS kawasan dan cawangan banyak membantu PAS menjayakan program tersebut.

(i) Majlis Ilmu (*Liqā' al-Fikrī*)

Liqā' al-fikrī adalah program tarbiyah bulanan yang diadakan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak di Dewan Abdul Samad Noh, Markas Tarbiyah PAS Air Kuning, Taiping, Perak. *Liqā' al-fikrī* tersebut diadakan pada setiap malam Jumaat, minggu pertama setiap bulan dan dihadiri oleh pimpinan dari seluruh kawasan dalam

⁷³ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

negeri Perak termasuklah PAS kawasan Tanjong Malim.⁷⁴ Beberapa orang pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim turut terlibat dalam menjayakan *liqā' al-fikrī* ini. Program ini dimulai dengan solat Maghrib secara berjama'ah dan berakhir sekitar jam 11.30 malam. Antara tajuk yang dibentangkan ialah mewujudkan budaya *da'wah ḥarakiah* dalam kalangan ahli PAS dan sifar ponteng usrah. Turut hadir dalam program tersebut ialah Ajk Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS Perak. Sementara itu, DMPK Tanjong Malim pula menghadiri *liqā' al-fikrī* muslimat yang diadakan di pejabat Perhubungan PAS Perak.⁷⁵

Kesimpulannya, *liqā' al-fikrī* adalah sebahagian daripada program tarbiyah PAS Perak. Walau pun *liqā' al-fikrī* diadakan di kawasan Parit yang terletak di Perak Utara, namun pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim tidak melepaskan peluang keemasan ini dengan menyertai *liqā' al-fikrī* tersebut.

(j) Perhimpunan Bulanan (*Ijtimā' Tarbawī*)

Menurut Mohd Tarmizi Abdul Rahman, *ijtimā' tarbawī* PAS kawasan Tanjong Malim biasanya diadakan pada setiap hari Ahad, iaitu pada minggu pertama setiap bulan di markas tarbiyah PAS Serigala, Slim River, Perak mulai jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari.⁷⁶ PAS kawasan akan menjemput beberapa orang penceramah

⁷⁴ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-24, bertarikh pada 7 Mei 2006, tempat di Pusat Tarbiyah PAS Kawasan Serigala, Slim River, Perak, h. 14

⁷⁵ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-17, bertarikh pada 7 April 2007, tempat di Pasti al-Ansār, Sungkai, Perak, h. 7.

⁷⁶ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-27, bertarikh pada 19 April 2009, tempat di Pusat Tarbiyah PAS Kawasan Serigala, Slim River, Perak, h. 12.

jemputan dari luar kawasan Tanjong Malim. Namun pada tahun 2010, PAS kawasan telah mengubah masa program *ijtimā' tarbawī* apabila melaksanakannya pada waktu malam dalam bentuk *usrah* gabungan di cawangan-cawangan terpilih secara bergilir-gilir.⁷⁷ Kenyataan Mohd Tarmizi Abdul Rahman diperjelaskan lagi oleh Baharuddin Ishak yang memaklumkan bahawa program *ijtima'* telah bermula di zon Besout (cawangan Besout 2) dan diikuti dengan zon Sungkai (cawangan Sungkai), zon Tanjong Malim (cawangan Berop), zon Slim River (cawangan Rasau), zon Behrang (cawangan Sungai Behrang) dan zon Trolak (cawangan Trolak Selatan).⁷⁸

Zulqarnain Hassan turut menjelaskan bahawa program bulanan tersebut dihadiri oleh pimpinan dan ahli PAS kawasan Tanjong Malim sehingga mencecah antara 50 hingga 70 orang. Antara pengisian *ijtimā' tarbawī* ialah ucapan daripada pimpinan kawasan atau PAS Perak, diskusi kitab-kitab haraki, seperti kitab *Fiqh Sīrah*, *Fiqh Ḥarakah*, *'Amal Jamā'ī* oleh beberapa orang penceramah jemputan, iaitu Abdul Ghani Shamsuddin, Zaharudin Mohamad⁷⁹ dan Siddiq Noor.⁸⁰ Program berakhir dengan jamuan makan tengahari.⁸¹ Abdul Salam Abdullah juga turut menyatakan bahawa penceramah jemputan dan Ajk PAS kawasan adalah antara penceramah program *ijtimā' tarbawī*. Namun apabila masa *ijtimā'* diubah daripada pagi kepada malam, hanya pimpinan PAS

⁷⁷ Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

⁷⁸ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

⁷⁹ Beliau berkelulusan dari Universiti al-Azhar, Mesir dan mendapat Sarjana dari Open Universiti, Kaherah. Sebelumnya pernah menuntut di Syriā selama beberapa tahun. Beliau juga merupakan menantu Dato Seri Abdul Hadi Awang, Presiden PAS.

⁸⁰ Beliau merupakan Ajk Dewan Ulama PAS Perak.

⁸¹ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

kawasan, DPPK dan DMPK Tanjong Malim sahaja yang menyampaikan *taujīhāt*. Ia telah dilaksanakan dengan jayanya di Besout, Sungkai, Tanjong Malim, Slim River, Behrang dan Trolak.⁸²

Ringkasnya, program *ijtimā' tarbawī* berjaya menghimpunkan para pimpinan dan ahli PAS di kawasan Tanjong Malim. Sokongan padu daripada ahli PAS terhadap program ini terbukti apabila mereka akan mendahulukan program *ijtimā' tarbawī* PAS kawasan berbanding dengan urusan peribadi mereka. Walau bagaimanapun, apabila *ijtimā' tarbawī* diadakan pada waktu malam, tidak semua cawangan akan menghadirinya kerana beberapa halangan dan kekangan tertentu.

(k) Seminar atau Konvensyen (*Nadwah Tadrībiyyah*)

Nadwah ialah satu *ijtimā'* yang terdiri daripada para ulama, pakar atau cendekiawan yang tertentu dalam bilangan yang tertentu untuk berkongsi dan memberikan pandangan dalam sesuatu tajuk atau masalah, di mana seseorang itu berhak menyuarakan pandangannya berpaksikan kepada dalil dan bukti. Di peringkat PAS kawasan Tanjong Malim, program *nadwah tadrībiyyah* tidak pernah dianjurkan oleh PAS kawasan ini kerana melibatkan tokoh agama yang berwibawa, jumlah penyertaan yang ramai dan kekangan kewangan, masa dan tenaga. Sebaliknya PAS kawasan ini lebih bersedia mengadakan kursus atau bengkel yang berbentuk dalaman kerana skopnya yang lebih kecil berbanding *nadwah tadrībiyyah*. Walau bagaimanapun, PAS kawasan tidak

⁸² Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

pernah melepaskan peluang untuk turut serta menghadiri *nadwah tadrībiyyah* yang dianjurkan oleh PAS Perak. Antara *nadwah tadrībiyyah* yang pernah diadakan ialah seminar nuqabā', konvensyen Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak dan konvensyen Lajnah Tarbiyah PAS Pusat.⁸³

Tegasnya, *nadwah tadrībiyyah* adalah program tarbiyah yang sesuai dianjurkan oleh PAS Perak dan PAS Pusat. PAS kawasan Tanjong Malim tidak mungkin dapat merealisasikan program *nadwah tadrībiyyah* yang bakal dihadiri oleh ratusan atau ribuan peserta dari seluruh negara. Contohnya ialah seminar Politik Memperkasakan Parti yang dihadiri oleh lebih 1000 orang peserta atau perwakilan.

(I) Perhimpunan Agung (*Mu'tamar*)

Menurut Zulqarnain Hassan, PAS kawasan Tanjong Malim tidak pernah menganjurkan mu'tamar. Mu'tamar yang dimaksudkan dalam manhaj tarbiyah harakiyah ialah satu perhimpunan yang diadakan sempena sesuatu isu dan bukannya mu'tamar yang bermaksud mesyuarat agung.⁸⁴

Berdasarkan realiti ini, maka pengkaji berpendapat bahawa program mu'tamar hanya akan diadakan oleh PAS Perak atau PAS Pusat sempena sesuatu isu, seperti isu

⁸³ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-6 (Baru), bertarikh pada 19 Mei 2008, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak, h. 13.

⁸⁴ 'Āli Abd al-Halīm Mahmūd (1993), *op. cit.*, cetakan keenam, h. 312. Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

tuntutan royalti Petronas oleh kerajaan negeri Kelantan, Himpunan Generasi ke-2 Felda dan Isu negara Islam. Walau bagaimanapun, PAS kawasan Tanjong Malim tidak melepaskan peluang menyertai *mu'tamar* yang dianjurkan oleh PAS Perak atau PAS Pusat. Antaranya ialah Himpunan Pemuda Perak di Gunung Semanggol pada 26 Julai 2007, Himpunan Pemuda Barisan Alternatif (BA) Negeri Perak di Bagan Serai pada 8-9 Julai 2007, Himpunan Bersih di Kuala Lumpur pada 10 November 2007 dan Perhimpunan Perdana Barisan Rakyat di Stadium Indera Mulia, Ipoh pada 14 April 2008.⁸⁵ DPPK Tanjong Malim juga pernah menyertai himpunan 15,000 pemuda di Kota Bharu, Kelantan pada 25 Disember 2006.⁸⁶

(m) Program Tarbiyah Untuk Masyarakat Umum

Selain daripada program tarbiyah yang khusus kepada ahli PAS, PAS kawasan juga turut mensasarkan tarbiyah kepada masyarakat umum, iaitu bukan ahli PAS. Antaranya ialah dengan mewujudkan kelas pengajian agama kepada masyarakat, program tarbiyah untuk golongan belia dan remaja, dan institusi pendidikan melalui sekolah Pasti.

(i) Kelas Pengajian Agama

Golongan berpendidikan dan berkelulusan agama biasanya dikurniakan Allah s.w.t dengan ilmu pengetahuan. Mereka memanfaatkan kebolehan diri dengan

⁸⁵ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-6 (Baru), bertarikh pada 19 Mei 2008, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak, h. 13.

⁸⁶ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-5, bertarikh pada 25 Mac 2007, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak, h. 11.

menyebarkan dakwah dan kefahaman Islam kepada masyarakat. Menurut Arman Yusop, PAS kawasan Tanjong Malim bersyukur kerana memiliki ramai golongan berpendidikan agama atau bergelar ustaz, walau pun mereka bukan berasal dari kawasan ini. Namun pengorbanan golongan ini telah banyak membantu menggerakkan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan, dan Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS kawasan Tanjong Malim. Antaranya ialah Mohd Tarmizi Abdul Rahman, Zulqarnain Hassan, Arman Yusop, Hashim Hamud, Baharudin Ishak, Abdul Salam Abdullah, Nik Abdul Hadi Raja Abdullah, Sobri Abdul Rahman, Mohd Fauzi Alias, Mohamad Ghazali, Tengku Zahid Raja Musa, Azizan Musa, Nik Asri Ali, Khaled Mat, Arif Rasyidin Awang, Abdul Munir Mohamed Noh, Syed Zamzuri Syed Nengah dan Muhammad Asri Abdul Hamid.⁸⁷

Mohd Tarmizi Abdul Rahman menyatakan bahawa beliau sendiri mengajar di masjid seluruh negeri Perak, terutamanya semasa menjawat jawatan sebagai Ketua Penerangan PAS Perak. Namun apabila diamanahkan sebagai Timbalan Pengarah JPN Perak sejak tahun 2008, beliau tidak mempunyai masa yang cukup untuk menjelajah ke setiap kawasan. Lantaran itulah, kelas pengajian agama beliau lebih tertumpu di masjid-masjid besar sahaja.⁸⁸ Bagi Badiuzzaman Ahmad, beliau sangat bersyukur kerana dapat meluangkan masa untuk mengikuti kelas pengajian agama yang disampaikan oleh Mohd Tarmizi Abdul Rahman. Mohd Tarmizi Abdul Rahman adalah seorang yang istiqamah dalam menyampaikan kuliah-kuliah beliau, seperti kuliah subuh yang diadakan di masjid

⁸⁷ Temu bual dengan Arman bin Yusop pada 29 Jun 2010, hari Selasa di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg

⁸⁸ Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

Slim River pada setiap hari Isnin hingga Jumaat. Beliau juga turut menyampaikan kuliah dan ceramah di Tanjong Malim, Besout, Trolak, Bidor, Behrang dan Tapah.⁸⁹

Arman Yusop menambahkan bahawa pengisian kelas pengajian agama bukan sahaja tertumpu kepada ahli PAS sahaja, sebaliknya lebih kepada aktiviti kemasyarakatan dan boleh dikunjungi oleh sesiapa sahaja yang berminat untuk menambahkan kefahaman agama. Kebiasaannya masjid dan surau di kawasan Tanjong Malim tidak bermasalah untuk menerima tenaga pengajar bagi menyampaikan ilmu agama bagi menambahkan kefahaman Islam kepada masyarakat. Terdapat juga segelintir ahli PAS yang kurang aktif dalam jama'ah, tetapi turut membantu PAS menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat. PAS dapat mengadakan kuliah agama dengan baik di masjid yang Ajknya adalah ahli PAS, seperti masjid Besout 4, Besout 5, Besout 2, Slim River, surau Klan, Rasau, Menderang, Kuala Slim dan Sungkai. Manakala masjid Besout 1, Klan, Balun, Sg. Klah dan beberapa buah masjid lagi agak sukar untuk menyampaikan mesej yang mulia ini kerana para pengkuliah dan penceramah agama berfahaman PAS dihalang daripada memasuki masjid tersebut. Keadaan ini berlaku kerana jawatankuasa masjid berkenaan bimbang masyarakat dapat menerima kefahaman Islam yang jelas.⁹⁰

⁸⁹ Temu bual dengan Badiuzzaman Ahmad pada 20 September 2010, hari Rabu di rumah beliau di Kampung Kelan, Slim River, Perak pada jam 5.00 ptg.

⁹⁰ Temu bual dengan Arman bin Yusop pada 29 Jun 2010, hari Selasa di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg

Menurut Muhammad Asri Abdul Hamid,⁹¹ kelas pengajian agama yang dianjurkan oleh PAS cawangan dapat diterima dengan baik oleh masyarakat tempatan sehingga turut dikunjungi oleh wanita UMNO dan golongan atas pagar. Contohnya, kelas pengajian agama di Felda Besout 2 yang dihadiri oleh hampir 30 orang muslimah atau wanita pada setiap masa. Biar pun diadakan di Pasti al-Ansār dan tenaga pengajarnya terdiri daripada pimpinan PAS kawasan, DPPK dan DMPK, namun sebahagian daripada mereka sanggup mengetepikan sentimen politik yang menebal di kalangan mereka untuk menimba ilmu agama. Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) juga turut memberikan kelayakan mengajar sebagai Guru Tauliah, Guru Ta'mir dan Guru Agama Dakwah kepada guru agama yang berkeelayakan, termasuklah pengkuliah dari kalangan pimpinan PAS. Dengan kelayakan tersebut, PAS bukan sahaja dapat mempromosikan parti itu kepada masyarakat, tetapi juga turut memiliki lesen yang memudahkan lagi proses menyampaikan ilmu dan kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat.⁹²

Kesimpulannya, program pengajian agama banyak membantu PAS mendidik masyarakat ke arah memahami Islam yang syumul. Jika masyarakat dapat mengikuti kelas pengajian tersebut dengan baik, pengkaji yakin masyarakat akan berubah menjadi masyarakat yang baik dan beragama, malah konsep "*baladatul tayyibatun wa rabbun ghafūr*" dapat direalisasikan.

⁹¹ Beliau merupakan bekas Pengarah Jabatan Pasti dan Bendahari DPPK Tanjong Malim. Pada tahun 2009, beliau telah kembali ke kampung halaman beliau di Sik, Kedah Darul Aman.

⁹² Temu bual telefon dengan Muhammad Asri Abdul Hamid pada 28 Ogos 2010, hari Rabu pada jam 5.00 ptg.

(ii) Program Tarbiyah Untuk Belia dan Remaja

Program tarbiyah untuk belia dan remaja biasanya diadakan pada hujung minggu atau musim cuti persekolahan. Ia diadakan bertujuan untuk mendidik golongan belia dan remaja yang tinggal di kawasan Tanjong Malim agar memenuhi masa lapang mereka dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat dan berfaedah serta dapat mencegah diri mereka daripada terjerumus ke kancuh masalah sosial. Sasaran program adalah khusus untuk golongan belia dan remaja yang tinggal di kawasan bandar dan Felda (kampung).

Antara program dan aktiviti yang biasanya diadakan untuk golongan belia dan remaja di kawasan Tanjong Malim ialah :

- i. Kelas tarannum, tajwīd dan berzanjī
- ii. Kelas Tahfīz al-Qur’ān
- iii. Kem kepimpinan belia dan remaja
- iv. Pertandingan memancing
- v. Pertandingan pidato, Tilāwah al-Qur’ān dan Azan
- vi. Sukaneka belia dan beliawanis
- vii. Pertandingan ICT, seperti mencipta blog dan perisian ilmiah
- viii. Lain-lain⁹³

⁹³ Pemerhatian dilakukan terhadap beberapa aktiviti tarbiyah untuk golongan belia dan remaja pada musim cuti persekolahan pertengahan tahun dan cuti akhir tahun 2010.

Ringkasnya, program ini dapat membantu golongan belia dan remaja memenuhi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menafikan golongan belia dan remaja lebih berminat dengan program yang berbentuk hiburan dan sukan. Cabaran seumpama ini turut berlaku di kawasan Felda, di mana pada bulan September 2010, para peneroka Felda telah menerima laptop 1 Malaysia secara percuma. Cabaran kepada tarbiyah ialah anak-anak muda boleh melayari dan mengakses internet di mana-mana sahaja tanpa kawalan daripada guru dan ibu bapa. Mereka bebas membuka laman web yang tidak bermoral dan melihat gambar-gambar yang tidak senonoh. Laman sosial seperti facebook, twitter dan tagged pula menjadi kegilaan para belia dan remaja, malah para ibu bapa juga turut terjebak sehingga mengabaikan tanggungjawab masing-masing. Bagi DPPK Tanjong Malim khususnya, peranan tarbiyahlah yang akan membantu golongan ini menyemai benih kesedaran dalam diri.

(iii) Institusi Pendidikan

Di kawasan Tanjong Malim, sekolah aliran agama dan pusat pengajian agama untuk mendalami ilmu agama amat kurang. PAS kawasan Tanjong Malim juga tidak mengambil inisiatif untuk menubuh dan mengendalikan sekolah atau pusat pengajian agama di rantau ini. Hanya sekolah Pasti sahaja yang menjadi sandaran PAS untuk melahirkan anak-anak yang berjiwa Islam.

a. Sekolah Pasti

Walau bagaimanapun, PAS kawasan Tanjong Malim boleh berbangga dengan kewujudan beberapa buah sekolah Pasti sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan mempunyai bilangan murid seramai 111 orang pada tahun 2007. Berikut adalah beberapa buah sekolah Pasti yang terdapat di Tanjong Malim :⁹⁴

**Jadual 1 : Bilangan Murid Sekolah Pasti di Kawasan Tanjong Malim
Pada Tahun 2007**

Bil.	Nama Pasti	Lokasi	DUN	Bil. Murid		Bil. Guru
				L	P	
1.	Pasti al-Ansār	Sungkai	Sungkai	10	5	1
2.	Pasti al-Barakah	Slim River	Slim	4	3	1
3.	Pasti Nūr al-'Ain	Felda Trolak Utara	Slim	2	4	1
4.	Pasti al-Hilāl	Felda Besout 2	Slim	6	4	1
5.	Pasti Mawaddah	Behrang 2020	Behrang	31	19	3
6.	Pasti Firdaus	Tanjong Malim	Behrang	11	12	2

Sumber : Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan DPPK Tanjong Malim Kali Ke-6

⁹⁴ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-6 (Baru), bertarikh pada 19 Mei 2008, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak, h. 13.

PAS kawasan ini terus mengorak langkah maju ke hadapan apabila menubuhkan Pasti Ehsāniah di Kampung Rasau pada Januari 2010 dan Pasti al-Nisā' di Proton City pada pertengahan tahun 2010. Sambutan masyarakat tempatan terhadap pendidikan sekolah Pasti agak menggalakkan setelah melihat potensi murid-murid sekolah Pasti lebih cemerlang berbanding dengan murid pra-sekolah dan KEMAS. Jadual berikut menunjukkan peningkatan mendadak bilangan murid sekolah Pasti sehingga mencapai 224 orang pada tahun 2010.⁹⁵

**Jadual 2 : Bilangan Murid Sekolah Pasti di Kawasan Tanjong Malim
Pada Tahun 2010**

Bil.	Nama Pasti	Lokasi	DUN	Bil. Murid	Bil. Guru
1.	Pasti al-Anṣār	Sungkai	Sungkai	24	2
2.	Pasti al-Barakah	Slim River	Slim	10	2
3.	Pasti Nūr al-'Ain	Felda Trolak Utara	Slim	6	1
4.	Pasti al-Hilāl	Felda Besout 2	Slim	11	1
5.	Pasti Mawaddah	Behrang 2020	Behrang	73	4
6.	Pasti Firdaus	Tanjong Malim	Behrang	48	2
7.	Pasti al-Nisā'	Proton City	Behrang	45	3
8.	Pasti Ehsāniah	Kg. Rasau	Behrang	7	1

Sumber : Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan DPPK Tanjong Malim Kali Ke-8

⁹⁵ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-8, bertarikh pada 27 Mac 2010, tempat di Markas Tarbiyah PAS Serigala, Slim River, Perak, h. 15.

Antara aktiviti sekolah Pasti di kawasan Tanjong Malim :

- i. Kursus PIPB Guru-Guru Sekolah Pasti Zon Selatan bertempat di Mambang Di Awan, Perak.
- ii. Kursus Pra Persijilan Sekolah Pasti bertempat di Markas Tarbiyah PAS Air Kuning, Taiping, Perak.
- iii. Sukaneka Sekolah Pasti Kawasan Tanjong Malim yang merupakan acara sukan tahunan Sekolah Pasti.
- iv. Hari Guru Pasti negeri Perak di Markas Tarbiyah PAS Air Kuning, Taiping, Perak.
- v. Hari Anugerah Cemerlang Pasti peringkat kawasan Tanjong Malim, Perak.⁹⁶
- vi. Kursus Huraian Sukatan di Ma'ahad al-'Abbāsiyah, Sungkai, Perak.
- vii. Hari Ihtifāl Sekolah Pasti di Dewan Serbaguna Slim River, Perak.
- viii. Kursus Teknik al-Baghdādī di Markas PAS Padang Tembak, Teluk Intan, Perak.
- ix. Kursus Asas Perguruan Siri 1 di SRATI, Ipoh, Perak.
- x. Bengkel Pengurusan Pasti di pejabat DPPK Tanjong Malim, Slim River, Perak.
- xi. Kursus Kāffah⁹⁷ di SRATI, Ipoh, Perak.⁹⁸

⁹⁶ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-6 (Baru), bertarikh pada 19 Mei 2008, tempat di Markas Tarbiyah PAS Tanjong Malim, Slim River, Perak, h. 13.

⁹⁷ Kursus berkaitan kurikulum sekolah Pasti sebagai persediaan kepada guru Pasti yang ingin mengadakan kelas Kāffah dan terbuka kepada murid sekolah rendah dari tahun 1 hingga 6. Antara subjek yang ditawarkan ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Lughah al-Qur'ān, Fiqh Solat, Fiqh Tahārah, Fiqh Syahādah dan Pendidikan al-Qur'ān dan al-Sunnah.

4.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan mendapati PAS kawasan Tanjong Malim melaksanakan kebanyakannya aktiviti tarbiyah di kawasan mereka. Antaranya ialah program *usrah*, qiyāmullail (*katībah*), latihan kemahiran (*daurah tadrībiyyah*), berbuka puasa secara berjama'ah (*ifṭār jamā'ī*), perhimpunan bulanan (*ijtimā' tarbawī*), jambori (*mukhayyam tarbawī* untuk pemuda), dan kelas pengajian agama. Manakala program lawatan (*rehlah tarbawiyah*), program perkaderan (*tamrīn tarbawī*) dan perkhemahan (*mukhayyam tarbawī*) pula digabungjalinkan menjadi satu program baru yang lebih sesuai untuk masyarakat tempatan. PAS kawasan juga mengadakan Hari Keluarga bagi merapatkan ahli PAS di kawasan tersebut. Pengisian utama program *usrah* gabungan (*madrrasah*) pula dijadikan sebagai pengisian sampingan dalam aktiviti tarbiyah yang lain. Manakala program majlis ilmu (*liqā' al-fikrī*), seminar atau konvensyen (*nadwah tadrībiyyah*) dan perhimpunan agung (*mu'tamar*) pula tidak dilaksanakan oleh PAS kawasan ini kerana hanya sesuai dilaksanakan oleh PAS Perak atau PAS Pusat.

⁹⁸ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-8, bertarikh pada 27 Mac 2010, tempat di Markas Tarbiyah PAS Serigala, Slim River, Perak, h. 15-16.